

NO. SOALAN : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 16.06.2015 (SELASA)

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kementerian sudah membuat kajian ke atas pelaksanaan subsidi pengangkutan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah dan apakah hasil daripadanya. Adakah Kementerian bercadang untuk memberi terus bantuan kewangan kepada penduduk atau isi rumah di kawasan pedalaman yang masih belum ada jalan raya dan masih memerlukan bantuan/subsidi pengangkutan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian telah membuat kajian ke atas pelaksanaan subsidi pengangkutan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah tetapi masih belum ada cadangan untuk menggantikan program yang telah sedia ada. Ini kerana Kementerian mendapati sistem yang sedia ada adalah yang terbaik buat masa ini.

Perlaksanaan subsidi pengangkutan (*Transporter*) ke kawasan pedalaman di bawah Program Penyeragaman Harga telah dilaksanakan sejak tahun 2009 lagi. Pada tahun tersebut sebanyak 271 *transporter* telah dilantik iaitu sebanyak 59 *transporter* di negeri Sabah, 59 *transporter* di negeri Sarawak sebanyak dan 51 *transporter* di Semenanjung. Selama hampir 7 tahun program ini berjalan, bilangan syarikat yang dilantik sebagai *transporter* adalah berubah-ubah mengikut keperluan semasa pada tahun-tahun berkenaan. Misalnya pada tahun 2012 sebanyak 207 *transporter* telah dilantik dengan bilangan POS (*Point of Sales*) sebanyak 6740 POS. Pada tahun 2013 pula sebanyak 253 *transporter* telah dilantik dengan bilangan POS sebanyak 8553.

Bilangan *transporter* yang dilantik setiap tahun berubah-ubah berdasarkan kajian ataupun melihat kepada keperluan dari semasa ke semasa dari segi jumlah nilai / jenis projek tersebut. Selain itu juga, pihak Kementerian akan dan sentiasa membuat kajian tentang pelaksanaan program ini bagi memastikan pelaksanaanya mencapai objektif yang telah ditetapkan dan prinsip '*Value For Money*' bagi pihak Kerajaan.

Program ini telah memberi faedah kepada lebih 4.5 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Selain berjaya menstabilkan bekalan barang bersubsidi ke kawasan berkaitan, barang tersebut juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai contoh harga gas memasak LPG 14kg di Ba'kelalan dapat dikurangkan daripada RM70 setengah kepada RM26.60 setengah melalui pelaksanaan program ini sejak tahun 2009.